

# 'Cubaan terdesak Najib batal bicara'

## Bekas PM sengaja timbulkan dakwaan tidak berasas terhadap hakim

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak disifatkan membuat percubaan terdesak bagi membatalkan keseluruhan perbicaraan penyelewengan dana RM42 juta SRC International Sdn Bhd, apabila membangkitkan dakwaan tidak berasas terhadap Hakim, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali, yang tidak dapat membela dirinya sendiri, tegas pihak pendakwaan.

Mohd Nazlan ialah hakim yang menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta terhadap Najib, selepas beliau yang ketika itu hakim Mahkamah Tinggi, mendapati Najib

bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah jenayah, penguubahan wang haram dan menyalahgunakan kedudukan dana SRC.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Ashrof Adrin Kamarul, yang menjawab affidavit sokongan lanjutan dalam permohonan Najib membatalkan perbicaraan itu berkata, kenyataan bekas Perdana Menteri berhubung siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Nazlan, dipenuhi skandal yang bertujuan mencemarkan nama baiknya sebagai hakim perbicaraan.

Beliau berkata, pengetahuan Najib yang dikatakan sebagai pengetahuan peribadi mengenai siasatan SPRM itu adalah tidak benar kerana ia sebagai agensi penguatkuasaan bebas, tidak akan mendedahkan maklumat rahsia berhubung siasatan yang masih berjalan.

Katanya, isu konflik kepentingan (membabitkan Nazlan) seperti yang didakwa Najib sepatutnya boleh ditimbulkan ketika perbicaraan SRC, tetapi Ahli Parlimen Pekan itu memilih un-

tuk tidak berbuat demikian kerana isu berkenaan adalah tidak sah.

"Dakwaan pemohon (Najib) yang bersifat mementingkan diri bahawa persepsi Nazlan berhubung 1MDB pada 2015 akan mempengaruhi persepsinya terhadap SRC adalah tidak munasabah dan percubaan terdesak untuk memperkukuh teori konflik kepentingannya dalam permohonan bagi menerima keterangan tambahan baharu," katanya.

Mohd Ashrof berkata, pendakwaan selaku responden menyatakan bahawa tidak ada konflik kepentingan apabila Nazlan mendengar perbicaraan kes SRC, malah Najib membuat pengakuan tidak ada dakwaan rasuah terhadap hakim itu, tetapi hanya sama ada wujudnya konflik kepentingan.

### Dakwaan tak dibuktikan

Katanya, dakwaan pembabitkan Nazlan dalam kapasiti sebelumnya iaitu sebagai Ketua Kaunsel dan Setiausaha Syarikat Kumpulan Maybank membabitkan pinjaman RM140 juta kepada Puncak Perdana Sdn Bhd dan

BH - 22/7/2022

m/s: 14

RM4.17 bilion kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) adalah tidak dibuktikan dan sangkaan semata-mata.

"Dalam apa juga keadaan, keterangan yang didakwa adalah tidak relevan kepada pertuduhan yang dihadapi oleh pemohon dalam rayuan ini.

"Tujuan sebenar (dokumen berhubung dakwaan konflik kepentingan) dikemukakan iaitu satu dokumen yang tidak bernilai, adalah untuk memburukkan Hakim Nazlan dalam kalangan pendapat umum sebelum pendengaran permohonan ini.

"Responden menyatakan bahawa Maybank, Maybank Investment Sdn Bhd dan bahagian penasihat strategik Maybank, Bina Fikir Sdn Bhd, sudah diketahui oleh pemohon pada setiap masa, termasuk ketika membela diri, oleh itu permohonan untuk keterangan baharu semestinya tidak berjaya," katanya.

Mohd Ashrof berkata demikian bagi menjawab affidavit sokongan lanjutan Najib dalam permohonannya untuk mendapatkan perisytiharan bahawa keseluruhan perbicaraan SRC ba-

tal dan tidak sah serta memohon mahkamah menimbangkan supaya diadakan perbicaraan semula.

Pada 8 Disember tahun lalu, panel tiga Hakim Mahkamah Rayuan dipengerusikan Datuk Abdul Karim Abdul Jalil, bersidang bersama-sama Datuk Has Zanah Mehat dan Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, sebulat suara menolak rayuan Najib untuk mengetepikan sabitan dan hukuman berkenaan.

Rayuan akhir kes berprofil tinggi itu akan didengar Mahkamah Persekutuan pada 15 Ogos ini.

Sementara itu, Mohd Ashrof berkata, keterangan bahawa Maybank Investment dan Bina Fikir dilantik sebagai penasihat strategik untuk membangunkan strategi keseluruhan SRC, adalah dalam pengetahuan pasukan pembelaan SRC.

Beliau berkata, yang lebih penting, jawatan Nazlan dalam Maybank dan peranan bank serta syarikat berkenaan diketahui oleh Najib dan peguamnya, hubungan itu ia bukan keterangan baharu seperti didakwa.